



INFO@KPKM

CUKUP DAN TERJAMIN

PROGRAM "WALKABOUT" YB MENTERI KPKM KE SYARIKAT GREEN WORLD GENETICS (GWG) SDN. BHD.

11 JUN 2023 | Rawang, Selangor



Selaras dengan hala tuju Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), penglibatan pihak swasta dan pemain industri dalam memperkukuh pengeluaran benih tanaman adalah sangat penting. Potensi industri ini amat besar bagi menampung keperluan benih dalam negara yang masih belum mencukupi dan bergantung kepada benih tanaman yang diimport.

YB Datuk Seri Hj. Mohamad bin Sabu Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, menyatakan bahawa keperluan benih tanaman merupakan elemen yang penting dalam rantaian makanan yang perlu dipatuhi bagi menghasilkan benih yang berkualiti tinggi, rintang penyakit, dan dapat bertahan dalam tempoh yang lama bagi penghantaran jarak jauh serta mempunyai potensi hasil yang tinggi dan stabil.

Syarikat Green World Genetics Sdn. Bhd. (GWG) telah mengambil inisiatif membangunkan industri benih negara dengan menjadikan ia sebagai satu industri yang memberi pulangan baik dari segi ekonomi dan sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada generasi muda bagi menceburi bidang pertanian sebagai pembiakbaka (*breeder*) dan pengeluar bahan tanaman.

Program pembiakbakaan yang lengkap di GWG telah berjaya memasarkan lebih daripada 100 jenis varieti tanaman yang telah mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja di pasaran tempatan malahan pasaran luar negara merangkumi tanaman seperti jagung manis, jagung bijian, jagung pulut, tembikai, tembikai susu, sayur-sayuran dan sebagainya.



Produk biji benih juga berjaya menembusi pasaran antarabangsa termasuk Indonesia, Vietnam, Filipina, Myanmar, China dan Australia.

Selain itu, GWG turut menawarkan latihan industri kepada para pelajar universiti tempatan dan luar negara. Sehingga kini, GWG telah berjaya melatih lebih daripada 400 orang pelatih dalam bidang yang berlainan seperti pembiakbakaan, penilaian varieti, pengeluaran biji benih, pengurusan lepas tuai, pemprosesan biji benih dan sebagainya.

Seramai lapan (8) orang pembiakbaka dari luar negara yang berpengalaman telah diserap sebagai pelatih kepada 20 orang pembiak baka tempatan.

Kerjasama erat antara KPKM bersama Jabatan Pertanian Malaysia dan GWG dalam pembangunan industri jagung bijian telah berjaya membangunkan kilang pemprosesan jagung bijian pertama di Malaysia dengan kapasiti 300 tan sehari selain menawarkan ladang kontrak dengan jaminan belian balik kepada para pengusaha yang terlibat.



LAWATAN KERJA KE KILANG MALYSIAN NPK FERTILIZER SDN. BHD. (MNFSB)

27 JUN 2023 | GURUN, KEDAH



YB Datuk Seri Hj. Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan lawatan kerja ke Kilang Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd Gurun, Kedah bagi memantau proses pembuatan, gudang penyimpanan serta mendapatkan gambaran secara menyeluruh proses pembuatan baja bagi skim subsidi Kerajaan yang dijalankan oleh NAFAS.

Dalam lawatan tersebut, pihak NAFAS telah memperkenalkan produk baja baru keluaran MNFSB iaitu Silgrow Plus, baja mineral silikon yang berfungsi sebagai perapi tanah. Produk ini sangat baik untuk meneutralkan pH tanah dan meningkatkan keupayaan tanah untuk menyerap nutrelin apabila proses pembajaan dilakukan.

Usaha pihak NAFAS ini dapat membantu para petani meningkatkan hasil tanaman seterusnya menjamin sekuriti makanan negara.

KUNJUNGAN HORMAT AKADEMI PROFESOR MALAYSIA KE ATAS YBM KPPM

13 JUN 2023 | BANGUNAN UTAMA, PARLIMEN MALAYSIA

Pada 13 Jun 2023 yang lalu, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu telah menerima kunjungan hormat daripada Akademi Profesor Malaysia di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.

Perbincangan berkaitan dengan *Research and Development* (R&D) menjadi fokus utama dalam meningkatkan hasil pertanian serta penghasilan produk-produk pertanian yang berkualiti tinggi

Pihak kementerian menyambut baik usaha dan kesungguhan mana-mana pihak terutama universiti-universiti dan syarikat tempatan untuk bekerjasama menjalankan penyelidikan bagi memperkembangkan lagi pertanian dalam negara.

SESI PEMBENTANGAN DAN PERBINCANGAN MENGENAI SISTEM PERTANIAN SMART TANI BERSAMA MARINE ENERGY SDN. BHD.

1 JUN 2023 | Ampang, Selangor Darul Ehsan



MAJLIS PELANCARAN ECOCONSORTIUM: MEMBUKA JALAN UNTUK MASA DEPAN YANG MAMPAN.



SAMBUTAN HARI LAUT SEDUNIA 2023

8 Jun 2023 | Port Dickson, Negeri Sembilan



Jabatan Perikanan Malaysia telah menganjurkan satu program sempena sambutan *World Ocean Day 2023* bertemakan 'Satu Lautan, Satu Iklim, Satu Masa Depan Bersama'. Pelbagai aktiviti ke arah pemuliharaan biodiversiti marin di Port Dickson telah diadakan. Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Seramai 30 orang penyelam sukarela telah melakukan selaman ke dasar laut bagi aktiviti menyenam dan pembersihan pukat terbiar (*ghost net*).

Aktiviti dan program pemuliharaan seperti ini harus diteruskan di masa akan datang bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam penjagaan alam sekitar.

Didikan awal dalam kalangan generasi muda dan peringkat sekolah adalah inisiatif terbaik agar dapat memupuk semangat cintakan alam sekitar.

Pada majlis perasmian tersebut, turut diumumkan dua (2) taman laut baharu yang turut diwartakan di bawah Seksyen 41, Bahagian ix (9) Akta Perikanan 1985 pada tahun ini iaitu Taman Laut Negeri Melaka yang berkeluasan 26.97 km² dan Taman Laut Gugusan Pulau Lima, Johor berkeluasan 299.0 Km².

Ini menjadikan status terkini keluasan kawasan perairan negara yang telah diwartakan mencapai 25,358.39 km², atau 5.35% dari keseluruhan perairan keluasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) negara sebesar 473,952 km².

Pusat tersebut turut menyerahkan tiga (3) ekor penyu kepada Glory Beach Resort iaitu premis swasta tunggal di Negeri Sembilan yang mempunyai lesen memiliki penyu secara bersyarat yang dikeluarkan oleh Pejabat Perikanan Negeri Sembilan melalui Kaedah-kaedah Perikanan (Penyu dan Telur Penyu), 1976.

Selain itu, sebanyak 20 ekor induk ikan inggu yang berumur empat (4) hingga enam (6) bulan bergenerasi F2 akan dilepaskan ke perumahannya yang dikenali sebagai buran atau *sea anemone*.

Setiap induk betina ikan inggu boleh menghasilkan jumlah telur antara 150 hingga 200 biji dengan kadar penetasan 50% hingga 80% bergantung kepada spesiesnya.

PIH PD merupakan pusat di bawah Pejabat Perikanan Negeri Sembilan berperanan sebagai galeri ikan hiasan marin, pusat pembiakan ikan inggu, konservasi penyu serta terumbu karang agar populasi sumber marin ini tidak terjejas, seiring kepesatan pembangunan di Port Dickson.

Jabatan ini turut melepaskan sebanyak 8,000 ekor benih ketam renjung Crablet 3 yang bersaiz anggaran 1cm bagi tujuan pengkayaan sumber perikanan.

Pada majlis itu juga, lesen sampan khas baharu telah diserahkan kepada 14 nelayan Negeri Sembilan sempena Sambutan Hari Laut Sedunia 2023.

KLON KOPI BAHARU LIBERICA MARDI MAMPU MENINGKATKAN PENDAPATAN PENGUSAHA KOPI

17 JUN 2023 | KLUANG, JOHOR

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), telah melancarkan tiga klon kopi baharu dan inovasi pengeluaran bahan tanaman kopi liberica secara keratan yang telah disempurnakan oleh YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Sehingga kini, MARDI telah mengisytiharkan sepuluh klon kopi Liberica dan Robusta sejak tahun 1995. Pembangunan set ketiga klon kopi Liberica MARDI ini telah dimulakan pada tahun 1982 dengan pemilihan sebanyak 28 aksesori kopi daripada koleksi janaplasma kopi Liberica, dibiak secara klonal dan dinilai dalam peringkat penilaian awal hasil bermula tahun 1997 hingga 2005.

Seterusnya, 14 klon terpilih dimajukan ke peringkat penilaian lanjutan hasil bermula tahun 2015 hingga sekarang. Setelah melalui beberapa peringkat penilaian, sebanyak tiga (3) klon kopi dikenal pasti mempunyai prestasi hasil dan kualiti terbaik untuk diperkenalkan.

Ketiga-tiga klon baharu yang dinamakan MKL 8, MKL 9 dan MKL 10 adalah set ketiga yang diisytihar selepas set pertama (MKL 2, MKL 3 dan MKL 4) yang diisytihar pada tahun 1995 dan set kedua (MKL 5, MKL 6 dan MKL 7) pada tahun 2008.

Semua pihak perlu berganding bahu menjayakan hasrat kerajaan dan pihak berkepentingan (*stakeholders*) dalam meningkatkan ekonomi rakyat dan negara

Klon terbaharu ini amat sesuai disyorkan kepada petani atau pengusaha tanaman kopi untuk meningkatkan hasil sekali gus menjana pendapatan petani.

Menurut YBTM KPKM klon kopi Liberica baharu MARDI yang berhasil tinggi dan berkualiti ini mampu meningkatkan pengeluaran kopi negara dengan keunikan kualiti dan citarasa kopi Liberica Malaysia.

PERAK FAMA FEST 2023 SASAR JUALAN SEBANYAK RM2 JUTA

22 Jun 2023 | Gopeng, Perak

Perak FAMA Fest 2023 merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi mempromosi dan memperkenalkan produk-produk pertanian dan makanan tempatan kepada orang ramai. Pada tahun ini, Perak FAMA Fest 2023 telah diadakan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Perak bermula 22 hingga 26 Jun 2023 dan telah dirasmikan oleh YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Seramai 103 orang usahawan yang terlibat secara langsung mendapat manfaat dalam penganjuran program kali ini. Seramai hampir 100,000 orang pengunjung hadir ke Perak FAMA Fest 2023 dan nilai jualan terkumpul sebanyak hampir RM2 juta sepanjang program itu berlangsung.

Pada majlis ini, sejumlah RM565 juta insentif disampaikan kepada 31 orang penerima yang meliputi Program Rezeki Tani, Geran Agropreneur Muda, Pusat Pengumpulan Ladang, Pembangunan Outlet Pemasaran dan Geran Penambahbaikan Pembungkusan serta Pelabelan Produk Proses Untuk Pasaran Ekspert.

FAMA Fest yang dianjurkan setiap tahun ini diharapkan mampu meningkatkan pendapatan petani dan usahawan selain memastikan produk pertanian dan industri asas tani boleh diperolehi pada harga mampu dibeli oleh pengguna.



OPERASI BERAS PUTIH PASTIKAN BEKALAN MENCUKUPI DENGAN HARGA STABIL DAN TERKAWAL

28 Jun 2023 | Putrajaya

KPKM telah mengadakan Operasi Beras Putih (OP BP) yang bertujuan memastikan pengguna sentiasa mendapat bekalan beras yang mencukupi dengan harga yang stabil dan dikawal. Operasi ini telah diketuai oleh YB Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama Datuk Azman bin Mahmood, Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras (KPB) serta pasukan penguatkuasa KPB.

OP BP giat dijalankan oleh penguatkuasa KPB bermula 19 Jun lalu melibatkan pemeriksaan stok dan bekalan di pasaraya, hypermarket dan kedai runcit di seluruh negara. Pemantauan tertumpu kepada bekalan dan harga beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI).

KPB komited menguatkuasakan pemeriksaan demi memastikan tidak ada kenaikan harga bagi beras putih tempatan. Harga kawalan maksima beras putih tempatan di peringkat pengguna adalah dikawal pada kadar RM2.60/kg seperti mana yang termaktub di dalam peruntukan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522].

KPKM melaksanakan tindakan awal dengan membuat penetapan harga kawalan maksima jualan beras putih tempatan di peringkat kilang dan borong. Manakala penetapan harga bagi beras putih import tidak dikawal oleh Kerajaan.

Rakan strategik KPKM seperti BERNAS turut mengambil inisiatif dengan membuat penambahan sebanyak 30% beras putih import bagi menampung permintaan yang meningkat dari pihak pemborong.

Hasil pemantauan yang dijalankan, harga pasaran beras putih import di peringkat runcit adalah antara RM28.00 ke RM32.00 bagi setiap kampil dengan berat 10 kg. Pengguna masih boleh membuat pilihan bagi mendapatkan beras putih import dengan harga yang rendah di pasaran.

Operasi dan pemantauan oleh KPKM akan terus diadakan demi menjamin bekalan beras negara sentiasa stabil serta mencukupi, selain melindungi kepentingan pengguna dan juga golongan pesawah.

SESI INTERAKSI KSU BERSAMA KAKITANGAN KUMPULAN SOKONGAN KPKM

13 Jun 2023 | Wisma Tani, Putrajaya



KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERHUTANAN DAN PERIKANAN JEPUN KE ATAS KSU KPKM

21 Jun 2023 | Wisma Tani, Putrajaya

YBhg. Datuk Lokman Ali, Ketua Setiausaha KPKM telah menerima kunjungan hormat daripada Mr. Eiji Tanimura, Timbalan Ketua Pengarah, Biro Eksport dan Hal Ehwai Antarabangsa, Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (MAFF), Jepun di Wisma Tani, Putrajaya.

MAFF memerlukan kerjasama dan sokongan negara anggota ASEAN termasuk Malaysia untuk permohonan dana projek di bawah *Japan ASEAN Integrated Fund (JAIF)* dalam melaksanakan strategi dan inisiatif di bawah Pelan Kerjasama MIDORI.

Selaku tuan rumah, penganjur dan pengerusi AMAF dan SOM-AMAF, Malaysia bersetuju untuk mengadakan Mesyuarat Pertama Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN-Jepun (1st AJMMAF) secara berterusan dengan Mesyuarat kali ke-45 AMAF pada 2 hingga 6 Oktober 2023 ini di Kuala Lumpur.

Malaysia juga mengalu-alukan kehadiran delegasi Jepun ke mesyuarat AMAF pada bulan Oktober 2023 dan MAFF Jepun turut mengambil kesempatan menjemput Malaysia ke Ekspo Hortikultur Antarabangsa 2027 di Yokohama, Jepun pada 19 Mac 2027 hingga 26 September 2027.



MAJLIS MERAIKAN PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI TAHUN 2022

19 Jun 2023 | Wisma Tani, Putrajaya

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2022 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merupakan satu pengiktirafan pihak kementerian kepada warga KPKM yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang bagi tahun 2022.

Majlis berlangsung pada 19 Jun 2023 di Wisma Tani, Putrajaya telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM dan dihadiri oleh barisan pengurusan tertinggi kementerian, Setiausaha Bahagian, Ketua Unit dan Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

Seramai 124 orang penerima diraikan terdiri daripada pelbagai gred dan skim perkhidmatan, di peringkat Ibu Pejabat, malah turut merangkumi mereka yang bertugas di IADA seluruh Malaysia.

Seramai 120 orang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) daripada pihak kementerian manakala tiga (3) orang penerima Anugerah Khidmat Setia (AKS). Anugerah AKS ini merupakan inisiatif kementerian bagi pegawai yang telah berkhidmat selama 20 tahun di KPKM.

Selain itu, tiga (3) orang pegawai menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC). Pingat ini adalah kurniaan daripada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dianugerahkan kepada pegawai yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan sebagainya yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.

Penerima PPC bagi tahun 2022 adalah YBrs. Encik Khalid bin Ibrahim, Setiausaha Bahagian di Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan, YBrs. Dr. Hadzley Harith, Pegawai Penyelidik dari Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung, Jabatan Perikanan Malaysia dan YBrs. Dr. Kua Beng Chu, Timbalan Pengarah Kanan di Institut Penyelidikan Perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia.



KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI THE WORLD BANK GROUP KE ATAS KSU KPKM

21 Jun 2023 | Wisma Tani, Putrajaya

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM telah menerima kunjungan hormat daripada Ms. Anna Wellenstein, *Regional Director of Sustainable Development for the East Asia and Pacific Region the World Bank Group* di Wisma Tani, Putrajaya.

The World Bank Group sedia untuk berkolaborasi bersama KPKM dengan menawarkan khidmat teknikal dan kepakaran dalam isu perubahan iklim, pembangunan mampan dan aktiviti rendah karbon ke arah memperkukuh agenda keterjaminan makanan.

The World Bank Group dan KPKM bersetuju bahawa aktiviti adaptasi dan mitigasi terhadap perubahan iklim perlu dilipat ganda melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), galakan inovasi, pendigitalan dan amalan pertanian mampan yang berterusan.

KPKM juga mengalu-alukan kerjasama *The World Bank Group* dalam bentuk rundingan dan persidangan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pertanian rendah karbon seterusnya membina daya tahan dalam menghadapi krisis global ini.



PROGRAM JUALAN AGRO MADANI

27 Jun 2023 | Perkarangan Wisma Putra, Putrajaya




TARIF ELEKTRIK BAGI PERTANIAN SPESIFIK

Perniagaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) termasuk **petani, penternak dan pekebun** tidak akan mengalami kenaikan tarif elektrik

Kadar 3.7 sen/kWj dikekalkan



MALAYSIA MADANI *Optimum & Terjamin*

www.kpkmm.gov.my [f](#) [@](#) [t](#) [v](#) [d](#) [@kpkmmalaysia](#)




HARGA KAWALAN BERAS TEMPATAN

Harga maksimum beras Super Special Tempatan 5% (SST5) di peringkat runcit adalah dikawal pada kadar **RM2.60/kg** seperti mana yang termaktub di dalam peruntukan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522]



MALAYSIA MADANI *Optimum & Terjamin*

www.kpkmm.gov.my [f](#) [@](#) [t](#) [v](#) [d](#) [@kpkmmalaysia](#)



JAWATANKUASA KABINET MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA (FSCC) SKOP TUGAS

- Menetapkan hala tuju sekuriti makanan negara
- Mempertimbangkan dan meluluskan cadangan-cadangan yang dikemukakan di peringkat Eksekutif yang berkaitan dengan sekuriti makanan
- Mengenal pasti isu dan cabaran berkaitan sekuriti makanan negara secara menyeluruh
- Merangka dasar, strategi serta pelan tindakan Kerajaan untuk menangani isu sekuriti makanan negara
- Menyelaras pelaksanaan dasar dan program daripada pelbagai Kementerian dan agensi dalam menangani isu sekuriti makanan negara
- Mengenal pasti isu dan masalah serta cadangan penyelesaian dalam usaha menarik pelaburan swasta bagi mengkomersialkan pengeluaran pertanian dan pembangunan industri asas tani
- Mengenal pasti intervensi Kerajaan bagi mencapai objektif yang disasarkan seperti penggunaan teknologi terkini, pembiayaan kredit dan aktiviti pertanian yang mempunyai nilai tambah yang tinggi bagi menjadikan sektor pertanian sebagai penyumbang utama pertumbuhan ekonomi

MALAYSIA MADANI *Optimum & Terjamin*

www.kpkmm.gov.my [f](#) [@](#) [t](#) [v](#) [d](#) [@kpkmmalaysia](#)



JAWATANKUASA KABINET MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA (FSCC)

LATAR BELAKANG
Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara atau FSCC adalah berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 25 Mac 2020. Jawatankuasa ini berperanan dalam merangka hala tuju sekuriti makanan negara yang lebih holistik dan mampan.

SEKRETARIAT
FSCC diurussetakan oleh Sekretariat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara atau Sekretariat FSCC, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

BIDANG FOKUS

- sekuriti makanan
- keselamatan makanan
- produktiviti pengeluaran
- pembangunan pertanian mampan (kelestarian)
- aplikasi teknologi
- Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)
- Industri makanan dan asas tani
- peningkatan pendapatan golongan sasar
- peningkatan daya saing
- pemasaran dan eksport
- fasiliti perdagangan
- galakan pelaburan swasta.

MALAYSIA MADANI *Optimum & Terjamin*

www.kpkmm.gov.my [f](#) [@](#) [t](#) [v](#) [d](#) [@kpkmmalaysia](#)

SIDANG REDAKSI:

- | | | | | | | |
|--|--|--|---|--|--|--|
| PENAUNG:
DATUK LOKMAN HAKIM ALI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN | KETUA EDITOR:
MOHAMMAD
EZRI BIN
SHAMSUDDIN | EDITOR:
SALMAH BINTI
RAMLI

NURIL
MUTMAINNAH
BINTI ROSLAN | PENULIS:
SARI NOR
AMRIYAH BINTI
MUHAMMAD ISA

NABILLAH BINTI
ZAMRI | GRAFIK:
NABILLAH
BINTI
ZAMRI | JURU FOTO:
MOHAMAD YASIN
BIN JAMAL

MOHD NAJIB BIN
ABDUL JABAR | IDEA, KONSEP & TERBITAN:
UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT, KPKM |
|--|--|--|---|--|--|--|